

Terma-Terma Dan Syarat-Syarat “Rate Protection Guarantee Service” CIMB Bank Berhad

Dengan membeli mata wang asing atau menjual mata wang asing melalui kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB Bank terpilih di Malaysia, anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat CIMB Bank Berhad ini (“**CIMB**” atau “**kami**”) berkenaan dengan perkhidmatan Jaminan Perlindungan Kadar (“*Rate Protection Guarantee*”) (“**RPG**”) daripada CIMB berkenaan dengan pembelian dan/atau penjualan mata wang asing anda. Dengan meminta perkhidmatan RPG ini dengan kami, anda menunjukkan penerimaan anda kepada terma-terma ini dan perjanjian untuk terikat oleh mereka. Terma-terma dan syarat-syarat ini hendaklah terpakai kepada semua kontrak dan/atau pembelian atau penjualan transaksi mata wang asing terpilih yang dibentuk antara anda dan kami dengan pengecualian apa-apa terma-terma dan syarat-syarat lain yang anda mungkin berhasrat untuk mengenakan atau memasukkan, atau yang tersirat oleh undang-undang atau sebaliknya melainkan CIMB bersetuju, secara bertulis, untuk mengubah terma-terma dan syarat-syarat ini dan mengesahkan secara bertulis, perubahan kepada anda.

1. AM

1.1 Perkhidmatan RPG hanya disediakan untuk pemastautin tetap di Malaysia atau bukan warganegara Malaysia, yang memegang kad pengenalan atau passport yang sah.

2. KELAYAKAN

2.1 Bagi melayakkan perkhidmatan RPG ini, anda mesti menjalankan transaksi sama ada dengan:

2.1.1 membeli mata wang asing terpilih pada kadar Jualan Bank CIMB; atau

2.1.2 menjual mata wang asing terpilih pada kadar Belian Bank CIMB;

dengan jumlah minimum Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) bersamaan dalam mana-mana 30 mata wang asing terpilih CIMB seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Senarai Mata Wang Asing Terpilih		
Dolar Australia	Renminbi China	Rupee Pakistan
Dolar Brunei	Kroner Denmark	Peso Filipina
Dolar Kanada	Dolar Hong Kong	Riyal Qatar
Franc Swiss	Rupee India	Riyal Arab Saudi
Dolar New Zealand	Rupiah Indonesia	Kroner Sweden
Dolar Singapura	Rambai Cambodian	Baht Thailand
Pound Sterling	Yen Jepun	Dolar Taiwan Baru
Dolar Amerika Syarikat	Rupee Sri Lanka	Dong Vietnam
Dolar Euro	Pataca Makau	Won Korea
Dirham Emirat	Kroner Norway	Rand Afrika Selatan

2.2 Perkhidmatan RPG hanya terpakai kepada transaksi kaunter di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB Bank dalam Malaysia kecuali di kaunter-kaunter berikut:

Kaunter	Alamat
Genting Highlands Service Kiosk	Lot G/G3.00, Genting Hotel, 69000 Genting Highlands, Pahang Darul Makmur, Malaysia.
Genting Highlands Sky Plaza	Lot No. T2-FX02, Level 1 Sky Avenue, 69000 Genting Highlands, Pahang Darul Makmur, Malaysia.

2.3 Perkhidmatan RPG, yang disediakan oleh CIMB mengikut budi bicara mutlaknyatanpa fi atau caj tambahan terhadap anda, melayakkan anda menjual balik atau meminta CIMB untuk membeli balik sehingga tiga puluh peratus (30%) pembelian atau penjualan asal anda, pada kadar yang sama, dalam tiga puluh (30) hari dari transaksi pembelian dan/atau penjualan.

2.4 Untuk menikmati perkhidmatan RPG, anda mesti menerima dan mengekalkan Resit RPG asal. Resit RPG asal yang kami keluarkan dan berikan kepada anda akan inter alia menetapkan tarikh transaksi, jumlah yang dijamin, nilai yang dijamin dan kadar yang dijamin. CIMB tidak akan melayan apa-apa permintaan perkhidmatan RPG tanpa petunjuk Resit RPG asal dan kad pengenalan atau passport yang sah anda.

2.5 Untuk menggunakan perkhidmatan RPG, anda mesti menunjukkan dalam masa tiga puluh (30) hari dari transaksi pembelian dan/atau penjualan, Resit RPG asal dan kad pengenalan atau passport yang sah anda sebagai bukti identiti anda di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB Bank yang berada di lokasi yang sama di mana anda melakukan transaksi pembelian dan/atau penjualan.

2.6 CIMB tidak akan melayan apa-apa permintaan mana-mana pihak ketiga bagi perkhidmatan RPG walaupun Resit RPG asal telah ditunjuk.

3. PEMBATALAN

3.1 Pembatalan mana-mana transaksi pembelian atau penjualan tidak dibenarkan setelah CIMB melakukan transaksi dan Resit RPG telah dikeluarkan.

4. RESIT RPG

4.1 Resit RPG menetapkan transaksi penjualan atau pembelian yang anda lakukan dan anda perlu beritahu CIMB dengan segera setelah penerimaan anda Resit RPG apa-apa kesilapan, penyelewengan atau percanggahan. Sekiranya anda gagal memberitahu CIMB dengan segera apa-apa kesilapan, penyelewengan atau percanggahan dalam Resit RPG setelah penerimaan anda Resit RPG, anda hendaklah dianggap telah menerima secara konklusif semua butiran transaksi dan butir-butir lain seperti yang dinyatakan dalam Resit RPG sebagai benar dan tepat dalam semua aspek.

5. SYARAT AM

- 5.1 CIMB menyimpan hak untuk menarik balik, membatalkan, menamatkan atau menggantung perkhidmatan RPG secara keseluruhan atau sebahagian setelah memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar. Bagi mengelakkan keraguan, penarik-balikan, pembatalan, penamatan atau penggantung perkhidmatan RPG oleh CIMB tidak akan melayakkan pelanggan-pelanggan atau mana-mana orang lain siapa jua kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung akibat daripada tindakan penarik-balikan, pembatalan, penamatan atau penggantung melainkan yang sama adalah disebabkan oleh kecuai melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
- 5.2 CIMB menyimpan hak setelah memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada melalui penambahan, pengguguran, pengubahsuaian, pindaan atau walau apa jua selainnya) ("Pindaan") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada pelanggan-pelanggan berkenaan dengan Pindaan akan dilakukan di bawah budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB dan cawangan CIMB atau kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB di mana peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan boleh diberikan dalam notis tersebut sendiri atau boleh diberikan kepada pelanggan atas permintaan; atau dengan membuat iklan berkenaan dengan Pindaan dalam satu akhbar pilihan CIMB atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan hendaklah dianggap mengikat pelanggan-pelanggan mulai dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain seperti yang boleh ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
- 5.3 Walaupun CIMB akan melakukan usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa apa-apa maklumat produk, harga dan kadar adalah tepat dan terkini, ia mungkin mempunyai keadaan di mana maklumat, harga atau kadar yang tidak tepat atau tidak lengkap telah dipaparkan secara tidak sengaja. Sekiranya maklumat, harga atau kadar tersebut adalah tidak tepat atau tidak lengkap, CIMB hendaklah mempunyai hak di atas dan/atau membatalkan apa-apa pesanan yang ditempatkan dan/atau transaksi yang dilakukan yang berkaitan dengan transaksi pembelian dan/atau penjualan dan mana-mana transaksi lain yang dilakukan disebabkan oleh, ditimbul daripada atau akibat daripada maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap. CIMB secara nyata menafikan liabiliti bagi apa-apa kerugian dan kerosakan walau apa jua ia timbul atau tanggung disebabkan oleh kesilapan, ketidaktepatan, pernyataan silap atau peninggalan tersebut.
- 5.4 Bahan pemasaran CIMB (brosur, risalah, poster, gegantung ("*bunting*") dan/atau apa-apa jenis bahan bercetak, termasuk laman web CIMB dalam apa jua format) adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- 5.5 CIMB boleh di atas budi bicara tunggal dan mutlaknya menyingkir dan/atau menolak mana-mana pelanggan-pelanggan yang ditentukannya telah mengganggu proses atau operasi perkhidmatan RPG, atau bertindak memungkir atau berpotensi memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- 5.6 Kegagalan atau kelewatan pihak CIMB dalam menjalankan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi di bawah Perjanjian ini atas apa-apa kemungkiran daripada pihak anda tidak akan menjejaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tersebut atau ditafsirkan sebagai pengecualian atau apa-apa persetujuan bagi kemungkiran tersebut. Tiada pengecualian akan

menjadi sah melainkan dilakukan secara bertulis oleh CIMB. Apa-apa pengecualian oleh CIMB tidak akan beroperasi sebagai pengecualian bagi apa-apa kemungkiran seterusnya anda.

- 5.7 Sekiranya terdapat apa-apa ketidaksejajaran, percanggaaan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh pelanggan dan dicatatkan dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat- Syarat ini hendaklah mengawal perkhidmatan RPG pelanggan, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.
- 5.8 Untuk makluman balas dan/atau aduan berkenaan dengan perkhidmatan RPG, pelanggan-pelanggan boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat dan nombor-nombor telefon dan faksimile yang berikut (atau mempunyai alamat dan nombor-nombor telefon dan faksimile lain sebagaimana yang boleh ditukar oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada pelanggan-pelanggan): Unit Resolusi Pelanggan, P.O.Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan / Telephone: +603-6204 7788 / Email: cru@cimb.com